

04 OCT 1998

Tajol-Penerangan

KEADAAN NEGARA BERTAMBAH BAIK, KATA TAJOL ROSLI

GOPENG, 4 Okt (Bernama) -- Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Tajol Rosli Ghazali berkata keadaan negara kini bertambah baik berbanding dua minggu lepas semasa bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengadakan perhimpunan gerakan reformasinya di Masjid Negara.

Beliau berharap keadaan ini akan dapat terus dikekalkan dengan orang ramai menggelakkan daripada mengadakan rusuhan dan demonstrasi serta bersabar menunggu proses perbicaraan Anwar di mahkamah.

"Demonstrasi ataupun rusuhan yang berterusan akan mengeruhkan keadaan dan kestabilan negara, dan ini akan memanjangkan lagi keadaan kegawatan ekonomi negara," katanya kepada pemberita selepas memberikan penerangan mengenai isu semasa negara kepada anggota Umno Bahagian Gopeng di Dewan Bandaran di sini hari ini.

Katanya, rakyat perlu beri kepercayaan kepada Mahkamah, Peguam Negara dan pihak polis dalam menangani masalah itu.

Beliau percaya usaha majlis penerangan yang dijalankan oleh Umno kepada seramai 2.4 juta anggotanya dapat menyakinkan mereka bahawa tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memecat Anwar adalah berasaskan kepada isu moral daripada politik.

Katanya, isu salah faham mengenai tindakan Perdana Menteri itu akan dapat diatasi apabila perbicaraan di Mahkamah dijalankan kerana rakyat dapat mengikutinya dan membuat kesimpulan sendiri.

Beliau yakin kewujudan pelbagai jenis kaset, termasuk ucapan Anwar dan penyokongnya seperti peguam Zulkifli Nordin di pasaran tidak akan menjejaskan kempen penerangan yang dijalankan oleh Umno.

Bagaimanapun, katanya kementerian sedang menunggu laporan dan cadangan daripada JAKIM dan polis mengenai kaset-kaset yang sedang dijual di pasaran, terutama yang berkaitan dengan gerakan Reformasi dan Anwar.

Jakim mengkaji dari aspek agama dan polis dari aspek fitnah, katanya.

Beliau berkata, kerajaan sebelum menguatkuasakan sesuatu peraturan ataupun tindakan akan mengkaji dengan terperinci terutama keberkesanan pelaksanaan sesuatu keputusan itu.

"Tidak guna kerajaan mengeluarkan peraturan tetapi tidak dapat dikuatkuasakannya, oleh itu kena kaji supaya keputusan yang diambil sesuai dan boleh dikuatkuasakan," katanya.

Mengenai bekas setiausaha politik Anwar, Mohamad Ezam Mohd Noor dan Ketua Pemuda Pulau Pinang Dr Abdul Rahim Ghouse yang kini berada di Indonesia dipercayai bagi mengelakkan daripada ditangkap polis, Tajol Rosli berkata jika mereka di kehendaki polis, sudah tentu pihak Imigresen tidak membenarkan mereka keluar.

"Jika seseorang dikehendaki polis, kita akan masuk nama dalam komputer di Jabatan Imigresen dan semua pusat-pusat Imigresen di sempadan negara akan mengetahuinya dan tidak membenarkan mereka keluar," katanya.

Bagaimanapun jika mereka didapati telah melanggar peraturan dan undang-undang negara, tindakan akan diambil setelah mereka pulang ke negara ini kemudian, katanya.

-- BERNAMA

HK RHM